

04/01/2003

MCA, Gerakan diingot hentikan segera perbalahan

Misiah Taib

KUALA LUMPUR, Jumaat - MCA dan Gerakan diberi amaran menghentikan segera pergeseran sesama mereka serta tidak memperlekehkan antara satu sama lain, kerana ia bukan saja melemahkan Barisan Nasional (BN), malah boleh menjatuhkan kerajaan.

Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat, berkata apa yang berlaku antara kedua-dua parti itu terutama di Pulau Pinang perlu dihentikan segera, sebelum memudaratkan BN.

Kedua-dua parti itu, katanya, mesti ingat Umno sudah memberi jalan kepada mereka untuk menerajui Pulau Pinang sedangkan hakikatnya Umno ada lebih banyak kerusi (Dewan Undangan Negeri) berbanding komponen lain.

"Saya faham mengenai kedudukan di Pulau Pinang kerana boleh jadi ada parti komponen fikir dia lebih layak menerajui kerajaan, pasal dulu Pulau Pinang diterajui parti komponen lain, sekarang sudah berubah kepada Gerakan.

"Saya fikir ada niat kurang jelas dalam hal ini atau ada niat yang terselindung di sebalik tindakan dua Adun MCA (Lim Boo Chang - Datuk Keramat dan Tan Cheng Liang - Jawi) yang mengambil sikap berkecuali daripada mengundi ke atas usul DAP di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang 21 November lalu," katanya pada sidang akhbar di Ibu pejabat BN, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

MCA kini mempunyai sembilan kerusi DUN (berikutan Lim dan Tan sudah digantung keahlian dan kini menjadi ahli bebas), Gerakan lapan kerusi dan Umno 10 kerusi. Masing-masing satu kerusi diwakili Keadilan, Pas dan DAP.

"Jika diikutkan, parti komponen paling banyak kerusi menerajui Pulau Pinang tetapi Umno rela memberi laluan kepada parti komponen Cina menerajuinya," katanya.

Justeru katanya, perasaan Umno perlu dijaga dan lebih penting, biar siapa pun menerajui Pulau Pinang, parti komponen perlu memberi sokongan selaras konsep perkongsian kuasa yang diamalkan BN.

"Kita sudah masuk abad ke-22 dan banyak perubahan politik berlaku di seluruh dunia. Parti yang pernah memperjuangkan kemerdekaan dan memerintah, ada sesetengahnya sampai 50 tahun, akhirnya ditolak rakyat," katanya.

Mohamed berkata, konsep perkongsian kuasa mesti betul-betul dihayati parti komponen BN dan kalau mereka jujur serta mengamalkan dasar itu, tidak patut berlaku pergeseran antara mereka.

Beliau juga mengingatkan cabaran dan dugaan termasuk peringatan terkini Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ada negara mahu menjadikan Malaysia medan perang untuk menyelamatkan diri.

"Ini ancaman besar. Takkan kita mesti hancur kerana orang lain. Kita harus menghadapi dugaan ini. Oleh itu kita perlu memperkukuhkan BN dan memperkuatkan kerajaan kita. Sebarang perkara yang boleh melemahkan parti dan kerajaan perlu diselesaikan segera," katanya.

Mengenai mesyuarat Dewan Tertinggi BN Selasa ini, beliau berkata, dua perkara utama yang akan dibincangkan ialah permohonan Parti Demokratik Maju Sarawak (SPDP), serpihan Parti Kebangsaan Sarawak (Snap), untuk menyertai BN serta tindakan MCA yang menggantung keahlian Lim dan Tan tanpa had masa.

Katanya, biar pun Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik menyifatkan kes dua Adun itu selesai, tetapi hanya selesai selepas diputuskan Dewan Tertinggi BN Selasa ini.

"MCA kata mereka digantung... gantung macam mana? Gantung tak bertali? Apabila keahlian digantung, anda kehilangan segala hak dalam parti. Kita tidak faham apa yang dimaksudkan oleh MCA.

"Saya harap ini bukan satu helah (MCA) untuk cuci tangan...biarkan BN putuskan," katanya.